

# PM: Perangi keganasan tingkat perasaan benci

UM 7 MAY 2002

**K**UALA LUMPUR 6 Mei - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perang menentang keganasan telah menyebabkan keadaan sekarang menjadi bertambah buruk berbanding sejeurus selepas serangan 11 September 2001.

Perdana Menteri berkata, usaha memerangi keganasan itu menyebabkan perasaan benci meningkat secara mendadak dan boleh membawa kepada tindak balas yang ganas.

"Secara ikhlas saya rasakan keadaan sekarang adalah lebih buruk berbanding tempoh sebaik sahaja selepas 11 September.

"Lebih banyak kebencian wujud hari ini yang boleh menyebabkan orang mengambil tindakan yang kita sifatkan sebagai tindakan ganas," katanya.

Dr. Mahathir ditanya mengenai pendapatnya berkaitan perang menentang keganasan yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat selepas dua menara kembar Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington diserang menyebabkan lebih 4,000 orang terbunuh.

Perdana Menteri menyatakan demikian semasa sesi dialog selepas menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Agung Antara-bangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik di Hotel Mandarin Oriental di sini, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, laporan media yang mengaitkan Islam dengan keganasan telah menyebabkan dunia bersikap prejudis terhadap agama itu walaupun sebahagian besar umat Islam cintakan keamanan dan amat bertolak ansur.

"Mereka menggunakan istilah pengganas Islam sedangkan ti-

dak ada pula istilah bagi pengganas Buddha atau Kristian.

"Kenapa perlu mengaitkan tindakan ganas dengan agama apabila pelakunya adalah orang Islam, tetapi tidak sekiranya pelakunya bukan Islam?," soal beliau.

Perdana Menteri berkata, Malaysia cuba membuktikan bahawa Islam merupakan agama yang menggalakkan umatnya bersahabat dan bertolak ansur dengan semua penganut agama lain.

"Saya adalah seorang pemimpin fundamentalis Islam dan kami (Malaysia) mengamalkan pentadbiran berasaskan ajaran sebenar Islam.

"Masalahnya ialah apabila ada orang yang melakukan perkara bertentangan dengan Islam dan menggunakan Islam sebagai alasan," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Presiden AS minggu depan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak mengharapkan untuk me-

nandatangani sebarang perjanjian atau mengadakan perikatan dengan George W. Bush.

"Saya rasa menandatangani perikatan tidak akan banyak membantu.

"Apa yang lebih penting ialah kefahaman yang lebih baik mengenai apa yang kita lakukan," ujar Perdana Menteri.

Perdana Menteri dijadual mengadakan lawatan ke Amerika Syarikat dari 13 hingga 15 Mei ini iaitu kunjungan pertama ke negara itu sejak 1994.